

Kerjaya guru bak limau kasturi, lilin membakar diri

Nukilan pengorbanan beberapa pengajar serlah kemuliaan sebagai pendidik

Berita Harian 08/05/2010 M/S 28

Oleh Abdul Razak Hussin

MENJELANG Hari Guru 16 Mei yang disambut bukan saja kelompok itu malah kalangan yang menghargai peranan dan sumbangan guru, terungkap pelbagai cerita mengenai pengorbanan, jerih payah, suka dan duka mereka.

Tempoh dua tahun di Pusat Pengajian Jarak Jauh (PJJ) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) awal 2000, cukup mengajar penulis mengenali dan menghargai jasa guru membentuk modal insan untuk pembangunan negara. Kita sering mendengar guru yang bertugas di pedalaman, mengorbankan kehidupan meriah di kota atau tempat asal yang lebih membangun.

Mereka berbicara mengenai kepentingan pendidikan yang akan mengubah nasib dan masa depan. Mereka memperkatakan mengenai kegelapan hidup tanpa cahaya yang disandarkan kepada pendidikan. Justeru, guru yang ditemui membuktikan falsafah pendidikan sepanjang hayat yang didukung, dengan melanjutkan pengajian pada peringkat ijazah pertama dan seterusnya menerusi pelbagai mod.

Meskipun menghadapi kesuka-



GURU terpaksa menempuh pelbagai perjalanan bagi memastikan sampai ke sekolah dengan selamat.

ran, mereka tempuh juga untuk mempertingkatkan ilmu dan keupayaan sebagai guru cemerlang yang dimanfaatkan kembali dalam pengajaran mereka. Johnny, guru di sebuah sekolah di Pitas Sabah. Beliau adalah lambang seorang guru dalam pengertian sebenar.

Beliau belajar menerusi program PJJ UKM mulai 1998 untuk menjadi guru yang lebih baik bagi digarap ilmunya dalam pengajaran di sekolah. Setiap Sabtu dan Ahad, Johnny berangkat bersekolah di Kota Kinabalu. Selepas selesai mengajar pada Jumaat, beliau berjalan kaki merentasi jalan tanah merah ke jalan raya yang mengambil masa tiga jam.

Kalau bernasib baik, dapat menumpang lori balak yang membawanya ke jalan raya untuk beliau mendapatkan kenderaan ke pekan terdekat seterusnya menaiki bas ke Kota Kinabalu. Beliau tiba pada sebelah malam dan bermalam di mana saja yang berkesempatan. Pada petang Ahad selepas selesai kuliah, beliau pulang ke rumah tumpangan di Pitas. Begitulah rutin sepanjang pengajian sehingga memperoleh ijazah sarjana mudanya.

Dengan sengaja, Aris (sahabat sejak bersekolah di Johor Bahru) memohon penempatan mengajar di pedalaman Sarawak selepas selesai pengajian di Maktab Perguruan Raja Melewar pada awal 1980-an. Beliau berada di sana selama tiga tahun untuk mengenal realiti dunia pendidikan dan pada masa sama mengikuti PJJ UKM.

Pengalaman bertugas di Sarawak dan di Semenanjung benar-benar menginsafkan beliau mengenai cabaran dunia pendidikan. Keterbelakangan infrastruktur dan tahap kesedaran masyarakat, mencabar profesionalisme. Beliau meneruskan penerokaan sehingga memper-

oleh ijazah sarjana pendidika dari UKM seterusnya melanjutkan lagi pengajiannya di Universiti Sains Malaysia (USM) dan memperoleh doktor falsafah.

Sepanjang tempoh pengajiannya, penulis mengetahui bagaimana sukar beliau menyusun hidupnya. Kini, sebagai seorang pensyarah di institut pendidikan, beliau boleh

berteori dengan penuh yakin berasaskan pengalaman yang dilalui sepanjang kerjayanya sebagai seorang guru.

Abang Sapali, Ali dan Henry adalah tiga guru sekawan yang belajar menerusi PJJ UKM. Mereka merumuskan cabaran bagi guru yang belajar dan bekerja pada masa sama amat besar. Bagi mereka, itu



GURU pedalaman Sekolah Kebangsaan Balar terpaksa mengusung motosikal ketika meredah tiga sungai sebelum tiba ke sekolah.

GAMBAR: IHSAN SK BALAR

adalah pengorbanan. Lukan saja memerlukan keupayaan membahagikan masa antara tugas hakiki sebagai guru, juga sebagai suami, ayah dan anggota masyarakat.

Bukan saja wara riggit yang harus dirancang bagi memastikan keperluan keluarga dipenuhi malah perasaan sendiri dan kefahaman anggota keluarga terhadap perubahan pola kehidupan yang sedang dihadapi.

Penulis juga mendapati, ramai pelajar sekarang terpaksa membuat pinjaman bank dan menggunakan kad kredit untuk menampung kos pembelajaran.

Kerjaya sebagai guru memegangnya cita-cita Rozi sejak sekolah menengah lagi. Sebagai anak kota, beliau menginsafi kepentingan bahasa Inggeris sebagai bahasa dunia yang akan melengkapkan anak Malaysia dalam menghadapi cabaran masa depan.

Dalam tempoh 25 tahun sebagai guru di bandar, pelbagai kerenah pelajar, ibu bapa dan masyarakat yang ditemui. Apabila kita mengimbau pengorbanan guru, sering kali kita digambarkan mengenai kesukaran dihadapi guru yang bertugas di pedalaman.

Namun dalam konteks hari ini, cabaran dihadapi guru di bandar lebih getir. Dengan pelbagai pengaruh dihadapi pelajar, tahap sosioekonomi dan pendidikan ibu bapa yang lebih tinggi, kesedaran terhadap hak dan undang-undang serta jangkaan tinggi terhadap piawaian pendidikan menjadikan guru lebih tertekan.

Seperti dihadapi Rozi, siapakah yang paling cepat mengerti kesukaran dihadapi Kamaruddin, anak muridnya yang kematian ibu bapa dan terpaksa mengurus diri sendiri sehingga menjejaskan pencapaian pe-

lajarannya? Siapakah yang dapat mengubati kemurungan seorang lagi muridnya yang baru kematian ibu dan kakaknya, kalau tidak beliau, seorang guru yang profesional dan sangat prihatin?

Seperti guru lain, selepas menempuh pelbagai cabaran multi peranan, beliau berjaya memperoleh ijazah dari Universiti Terbuka Malaysia.

Catatan ini adalah sekehumit saja daripada hikayat guru berbanding nukilan yang boleh dilakarkan seluas alam. Setiap kejayaan, pastinya bermula daripada seorang guru. Guru sepanjang zaman adalah kerjaya mulia yang memerlukan seluruh minat, iltizam dan kesungguhan penjawatnya.

Banyak sekali harapan dan program negara yang terpikul di bahu mereka. Justeru, penulis percaya, kerjaya ini sentiasa disemarakkan dengan pelbagai insentif dan peningkatan oleh pemerintah bagi menghargai kepentingannya.

Kalau di negara lebih maju, kerjaya guru masih sangat disanjung masyarakat, tentunya di Malaysia sanjungan itu masih tetap utuh. Dua pelajar yang duduk di kiri dan kanan penulis dalam Majlis Makan Malam Regimental Palapas baru-baru ini, ketika melihat lilin yang terbakar menghiasi meja, mengibaratkan golongan seperti guru bagaikan lilin yang membakar diri untuk menerangi orang lain.

Lantas mereka mencadangkan guru seharusnya menjadi persis lima kasturi yang bukan saja harum mewangi malah selepas memanfaatkan orang lain pun keharuman sendiri masih tidak hilang dan dapat dinikmati.

Penulis ialah Timbalan Pengarah Pusat Komunikasi Korporat UKM